



SIARAN AKHBAR

KENYATAAN DASAR BDCB 1/2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah mengeluarkan kenyataan dasar BDCB kali pertama bagi 2023.
2. Di dalam Kenyataan Dasar tersebut, BDCB mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2023 pada kadar 2.8%, lebih rendah daripada 3.4% yang dicatat pada tahun 2022, sebelum meningkat kepada 3.0% bagi tahun 2024. Sementara itu, ekonomi domestik telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.6% pada tahun 2022, disebabkan oleh penguncutan Sektor Minyak dan Gas. Memandang ke hadapan, ekonomi Negara Brunei Darussalam dijangka akan bertambah baik pada tahun 2023 didukung oleh projek-projek pelaburan langsung asing yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko penurunan dengan jangkaan permintaan global yang lebih perlakan, tahap pengeluaran minyak mentah dan gas cecair asli yang lebih rendah, dan ketidakpastian dalam pasaran minyak.
3. Selaras dengan bank-bank pusat global yang terus mengawal kadar inflasi yang masih tinggi, Monetary Authority of Singapore, dalam kenyataan dasar monetari pada bulan April 2023, telah mengekalkan tahap dasar monetarinya memandangkan kesan daripada pengetatan dasar monetari terdahulu masih mempunyai impak terhadap ekonomi. Mengambil kira faktor ini serta data Indeks Harga Pengguna terkini, BDCB mengunjurkan kadar inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023 dalam lingkungan 1.0% hingga 2.0%.
4. Pada suku pertama 2023, sektor kewangan Negara Brunei Darussalam telah merekodkan penurunan sebanyak 0.3% tahun-ke-tahun dengan nilai aset keseluruhan sebanyak BND23.9 billion, di mana BND14.1 billion (59.1%) merupakan aset kewangan Islam. Institusi-institusi penerima deposit pula menyumbang sebanyak 91.9% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset berjumlah BND21.9 bilion. Kedudukan modal industri perbankan kekal berdaya tahan dan stabil dengan agregat Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio) sebanyak 21.3% pada suku pertama 2023. Selain itu, pulangan keuntungan dari industri perbankan juga turut meningkat, didorong oleh persekitaran kadar faedah/keuntungan yang meningkat.
5. Dalam bidang pasaran modal, BDCB telah mengeluarkan pindaan terhadap Notice on Licensing Examination dan Guideline on Conducting the Regulated Activity of Giving or Offering Investment Advice dengan tujuan untuk memberikan penjelasan tentang keperluan yang berkaitan dengan pengendalian perniagaan pelaburan Islam. BDCB juga telah memperkenalkan peruntukan yang memerlukan pengawalseliaan aset maya melalui pindaan terhadap Notice on Requirement for Payment Systems dan pengeluaran Guidelines on Offering and Trading of Security Tokens bagi memenuhi keperluan Financial Action Task Force (FATF) Recommendation 15 yang ditetapkan oleh Asia/Pacific Group (APG) Mutual Evaluation.

6. Kenyataan Dasar BDCB 1/2023 yang lengkap boleh didapati di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB di talian 8318388, atau melalui emel di info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 3 Muharram 1445H / 21 Julai 2023M

Ref: BDCB/COMMS/3